

**PERANAN FELDA DALAM  
MEMPERTINGKATKAN TARAF SOSIOEKONOMI PENEROKA  
SEMASA TANAMAN SEMULA DIJALANKAN**

Oleh

**SHAMSUDIN BIN MUHAMAD**

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

Mei 1996

## **Penghargaan**

Dipanjatkan penuh rasa kesyukuran terhadap Allah s.w.t kerana melimpahkan kurnia dan izin dalam menyempurnakan laporan kajian akhir ini.

Hidup ini tidak akan mulia dan ceria tanpa adanya dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bagi dari kaum keluarga terutamanya emak dan bapa. Segala pengorbanan yang dicurahkan amatlah besar dan tidak ternilai harganya.

Laporan kajian akhir ini telah disediakan dengan adanya pemerhatian, penyeliaan dan tunjuk ajar dari Puan Noor Hadjar Bux serta curahan ilmu dari pensyarah - pensyarah Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah. Maklumat - maklumat dari Ibu pejabat FELDA, Pejabat FELDA Kawasan Pahang Barat, Pejabat FELDA Rancangan dan penduduk kawasan kajian amatlah berguna. Pandangan, sokongan dan sumbangan dari sahabat handai juga turut membantu dalam proses penyediaan laporan ini.

Untuk semua pihak, sejuta penghargaan terima kasih diucapkan. Ianya tidak akan dilupakan dan semoga Allah s.w.t jua membalasnya.

## **Abstrak**

FELDA (Federal Land Development Authority) telah membuka dan memajukan tanah diseluruh negara. FELDA turut berperanan untuk menggerakkan pertumbuhan masyarakat yang seimbang dan kehidupan yang sempurna. Peranan yang dimainkan oleh FELDA boleh dilihat melalui strategi dalam pembangunan petempatan.

Perjalanan FELDA telah memasuki peringkat terakhir bagi pusingan pertama. Sebilangan besar kawasan petempatannya telah memasuki peringkat tanaman semula. Bagi menghadapinya, FELDA telah menggariskan proses - proses tanaman semula yang perlu dilalui bagi menjamin kesinambungan pembangunan yang telah dijalankannya.

Walaupun FELDA telah bersedia, namun peringkat ini mengundang pelbagai masalah sosioekonomi yang mempunyai risiko pada masa hadapan. Ini dilihat melalui penemuan yang diperolehi dari kajian yang dijalankan.

FELDA sewajarnya menangani peringkat ini melalui pemantapan peranan yang berkesan dan menyeluruh. Faktor keadaan sosioekonomi semasa dan masa hadapan perlu diambilkira dalam perancangannya. Ini dapat dilihat melalui peringkat cadangan yang dikemukakan.

Penghargaan	I
Abstrak	II
Senarai Jadual	VI
Senarai Rajah	VIII
Senarai Lampiran	IX
Senarai Bibliografi	X

## **KANDUNGAN**

### **BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Isu Dan Masalah	3
1.3	Tujuan	7
1.4	Objektif	7
1.5	Skop Kajian	8
1.6	Pendekatan Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Rumusan	13

### **BAB 2      KAJIAN ILMIAH**

2.1	Pengenalan	14
2.2	Latarbelakang FELDA	15
2.2.1	Sejarah Penubuhan	16

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Antara ciri-ciri utama ekonomi Malaysia ialah pergantungannya terhadap sektor pertanian. Kepentingan sektor ini dapat dilihat melalui sumbangannya dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), punca pendapatan eksport negara dan peluang pekerjaan yang wujud di sektor ini.

Sektor pertanian, terutamanya ladang sawit, getah, padi dan lain-lain juga boleh dianggap strategik kerana ia merupakan aktiviti ekonomi utama penduduk luar bandar. Namun sektor ini mempunyai prospek yang tidak menentu kerana ia mengalami pelbagai masalah sosioekonomi termasuk kadar kemiskinan, pengangguran, penghijrahan dan tenaga kerja yang berumur. Secara kasarnya, ia adalah melalui kerja perancangan dan penilaian projek pertanian yang mungkin tidak disatukan, mengakibatkan pembaziran, kurang keberkesanan dan pertindihan. Penilaian tentang keberkesanan dan untung rugi projek juga jarang dilakukan.